

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
OLEH KETUA PENGARAH AGENSI NUKLEAR MALAYSIA  
SEMPENA MESYUARAT AGUNG KE 36  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

YBrs Barisan Pengurusan Atasan,

YBrs Pengarah-pengarah Bahagian,

YBrs. Tuan Syed Asraf Fahlawi Wafa bin Syed Mohamad Ghazi  
Pengerusi Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia,

Barisan Ahli Jawatankuasa Kelab Nuklear sesi 2019 /2021

Serta Ahli-ahli Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia yang dikasihi sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.**

1. Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana walaupun dalam situasi penularan wabak COVID-19 di negara ini belum pulih sepenuhnya, kita masih dapat hadir bersama-sama di majlis pada pagi hari ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Kelab Nuklear Malaysia kerana menjemput dan memberi penghormatan kepada saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia bagi kali ke-36.
2. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih atas kehadiran semua ahli Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia sebagai tanda sokongan kepada kelab dalam mengukir kecemerlangannya. Sesungguhnya, ini jelas memperlihatkan keprihatinan kita yang tidak hanya memberatkan kepentingan tugas di pejabat, malah turut menyokong pembangunan kerjaya dengan melengkapkan sahsiah dari aspek intelektual, fizikal mahupun spiritual melalui aktiviti berpesatuan. Sokongan padu ini pastinya amat bermakna kepada Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia

Para hadirin yang dihormati sekalian,

3. Selaku Penaung Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia, adalah menjadi tanggungjawab saya untuk mendekati kelab ini serta memastikan kelangsungan penglibatan ahli-ahli dalam penganjuran program di pelbagai peringkat. Sesuai dengan slogan kelab ini iaitu ‘Kelab Kita Tanggungjawab Kita’.
4. Saya difahamkan, Mesyuarat Agung kali ke-36 ini diadakan bagi membentang dan mengesahkan Minit Mesyuarat Agung yang lepas, perkara berbangkit, membentangkan dan meluluskan Laporan Akiviti dan Kewangan bagi 2 tahun (iaitu 2019 dan 2020) dan yang paling utama adalah Pemilihan Jawatankuasa Baru bagi sesi 2021/2023.

5. Saya akui penularan wabak COVID-19 telah membawa kesan besar bukan sahaja kepada kehidupan sehari-hari kita, malah ekonomi dan sosial. Dari pemerhatian saya, pengurusan Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia sesi 2019/2021 telah merancang pelbagai program utama yang pastinya memberi impak positif kepada para ahlinya. Saya melihat kerancakkan penganjuran program utama kelab secara fizikal adalah pada 2019 hingga pertengahan tahun 2020. Namun susulan penularan wabak COVID-19 yang masih belum bertemu noktahnya, kita perlu patuh kepada *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi membendung penularannya. Maka program yang telah dirancang secara fizikal tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.
6. Sehubungan itu, semua warga Nuklear Malaysia perlulah mematuhi SOP dan membudayakan norma-norma baharu sepanjang masa berkonsepkan #KitaJagaKita, dan #KawalanKendiri. Ini penting untuk memastikan tiada peningkatan kes COVID-19 dalam kalangan warga agensi ini secara khususnya dan masyarakat sekeliling secara amnya.
7. Dengan persekitaran semasa yang berubah-ubah, saya ingin sarankan agar semua ahli untuk sentiasa berusaha mempertingkatkan ilmu dan keupayaan diri. Segala hasrat, perancangan dan aktiviti Kelab Nuklear Malaysia juga mesti berdaya saing dan bercitrakan kreativiti, inovasi, prihatin dan mementingkan amalan gaya hidup sihat.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

8. Besarlah juga harapan saya agar Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia ini dapat disertai oleh lebih ramai lagi warga Nuklear Malaysia. Penyertaan mereka merupakan satu langkah yang amat penting bagi menjamin kesinambungan aktiviti yang dirancang oleh pihak kelab. Ini juga sebenarnya memberi kelebihan untuk kita menjaga kebajikan sesama kita dan mengenali sesama rakan di tempat kerja. Selain dapat berkenalan, dapatlah juga bertukar pengalaman dan kepakaran masing-masing.
9. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua ahli Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia yang hadir. Saya berharap, semoga Mesyuarat Agung kali ke 36 ini, berjalan dengan lancar dan penuh disiplin. Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada barisan Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Sesi 2019/2021 di atas sumbangan yang telah diberikan dan berharap barisan Ahli Jawatankuasa yang akan dilantik nanti akan dapat menjalankan tugas yang diberikan dengan penuh amanah dan integriti serta dapat merancakkan lagi program-program Kelab Sukan dan Kebajikan ini.
10. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua hadirin pada hari ini. Juga, tahniah dan syabas kepada Pengurus Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia dan seluruh jawatankuasanya, serta ahli-ahli kelab atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia bagi kali ke-36. Semoga semangat kekitaan dan talian persahabatan yang terjalin dalam Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear

Malaysia sentiasa diteruskan, dan turut dizahirkan semasa melaksanakan tugas-tugas harian kita.

11. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya menyempurnakan perasmian "Mesyuarat Agung Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia bagi kali ke-36".
12. Wabillahi taufiq walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Sekian, terima kasih

**YBRS. TS. DR. SITI A'IASAH HASHIM  
PENAUNG  
KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA.**